

# Program Jom Sihat Bola Sepak Campuran HEPA

UB 24.1.2019 B2

KOTA KINABALU: Jabatan Hal Ehwal Pelajar (JHEP), Universiti Malaysia Sabah (UMS) mengadakan Program Jom Sihat Perlawanan Bola Sepak Campuran HEPA pada Rabu.

Perlawanan bola sepak campurankakitanganHEPA ini diadakan di Stadium Kompleks Sukan UMS sempena menyokong kempen Jom Sihat UMS

setiap hari Rabu bermula jam 4.00 petang.

Tujuan utama Jom Sihat UMS adalah untuk menerapkan budaya bersukan, cergas dan aktif dalam kalangan warga UMS.

Justeruitu, Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni) Prof. Dr. Ismaili Ali mencadangkan perlawanan bola sepak campuran di antara

kakitangan HEPA iaitu JHEP, Pusat Sukan, Pusat Kerjaya dan Alumni sebagai permulaan dan Program Ramah Mesra iaitu acara memancing di Jeti UMS akan diadakan pada minggu seterusnya.

“Di samping bersukan ianya juga dapatmengeratkan lagi hubungan silaturahim sesama kakitangan HEPA,” katanya.

Perlawanan bola sepak



**SESI bergambar pasukan HEPA A lawan HEPA B sebelum perlawanan bermula.**

campuran diadakan di antara pasukan HEPA A dan HEPA B di mana keputusan perlawanan berkesudahan seri 4 – 4.

Kakitangan HEPA bukan sahaja merasa sihat malah dapat berjumpa sambil bersantai selepas perlawanan itu.

Turut hadir dan bermain bola sepak campuran pada petang itu adalah Ketua JHEP Ahmad Hj. Nurdin, Pengarah Pusat Kerjaya Prof.

Madya Dr. Lai Yew Meng, Pengarah Pusat Sukan Mohd Asyraaf Abdullah, pegawai-pegawai dan kakitangan HEPA.